

**Polis rakam kenyataan Siti Hasmah**  
**SINAR HARIAN**  
**27 JANUARI 2018**  
**WARTAWAN SINAR HARIAN**

KUALA LUMPUR - Polis semalam, merakamkan kenyataan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali berhubung ucapannya pada himpunan 'Wanita Bantah Politik Toksik' 10 September 2017.

Perkara itu disahkan anak beliau, Datin Marina Mahathir melalui laman Twitternya, semalam.

Anggota polis dari Bukit Aman menyoal siasat Siti Hasmah, yang juga isteri Pengerusi Bersatu, Tun Dr Mahathir Mohamad di bangunan Yayasan Al Bukhary di sini, hampir dua jam.

Sementara itu, peguamnya, Hanif Khatri Abdulla seperti dilaporkan sebuah portal berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 9 Akta Perhimpunan Aman.

Menurutnya, Siti Hasmah disoal sebanyak 12 soalan yang turut berkaitan ucapannya di himpunan tersebut.

Himpunan Wanita Bantah Politik Toksik yang diadakan di ibu negara tahun lalu, mengemukakan tiga tuntutan.

Selain Siti Hasmah, himpunan itu turut dihadiri beberapa pemimpin wanita lain, antaranya Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar dan Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Siti Mariah Mahmud.

Dalam ucapannya, Siti Hasmah menasihatkan golongan wanita supaya membantah politik toksik yang semakin berleluasa kini.

**© 2017 All Rights Reserved • Karang kraf Group Media • © 2017 Hakcipta Terpelihara • Kumpulan Media Karang kraf**

Source: <http://www.sinarharian.com.my/mobile/semasa/polis-rakam-kenyataan-siti-hasmah-1.789905>